

Nelayan perlu beringat

MARANG – Nelayan di daerah ini khususnya yang menggunakan bot kecil dinasihatkan agar sentiasa mengutamakan keselamatan pada musim tengkujuh walaupun keadaan cuaca cerah.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Marang, Sulong Ismail, 50, berkata, nelayan perlu mendapatkan info terkini keadaan laut bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku.

"Perubahan cuaca boleh berlaku dengan pantas. Apabila angin kuat, ombak juga besar sekali gus mengundang bahaya kepada nelayan menggunakan bot-bot kecil. Jadi, mereka perlu utamakan keselamatan."

"Keadaan cuaca musim tengkujuh ini tidak menentu sehingga Mac depan. Namun, ada juga nelayan tetap ke laut walau-

pun dalam keadaan cuaca sukar demi untuk mencari rezeki," katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati aktiviti perikanan membabitkan bot laut dalam berjalan seperti biasa malah ada nelayan pantai masih turun ke laut walaupun saiz bot mereka kecil.

Sementara itu, tinjauan juga mendapati sumber protein utama penduduk itu mencukupi apabila bekalan ikan yang ada dilihat mampu untuk menampung permintaan penduduk di daerah berkenaan.

Selain bekalan ikan segar, bekalan ikan import juga dapat menampung permintaan itu namun dari segi faktor harga, ia didapati sedikit meningkat kerana bergantung kepada pasaran semasa.



Perubahan cuaca dengan angin kuat dan ombak besar mengundang bahaya kepada nelayan bot kecil.